Aplikasi myTNB berwajah baharu

DIANA SURYA ABD WAHAB

KUANTAN

Aplikasi mudah alih myTNB berwajah baharu dengan rekaan lebih moden dan mesra pengguna diyakini lebih memudahkan orang ramai mengetahui bil bulanan mereka dengan cepat.

Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Pengguna, Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Berhad (TNB), Ir. Kamaliah Abdul Kadir berkata, pengguna tidak perlu menunggu bil fizikal sebaliknya boleh menyemak bil semasa secara atas talian.

Jelasnya, dengan itu pengguna juga dapat melihat pelbagai penggunaan dan fungsi di halaman utama, malah boleh membandingkan penggunaan elektrik dengan bulan sebelumnya.

"Dengan aplikasi ini pengguna dapat menyemak dan membayar bil yang mana boleh diketahui penggunaan elektrik untuk enam bulan terakhir.

"Pengurusan dan pemantauan tenaga elektrik menjadi lebih mudah dengan beberapa ciri antara muka yang dioptimasi, membolehkan pengguna merancang bil elektrik mereka.

"Pengguna juga boleh mengurus lebih daripada dua akaun TNB bukan sahaja miliknya malah akaun rumah sewa, keluarga, persatuan, NGO dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata selepas majlis Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50): Sustainability Development Goal (SDG 2030) dan Green Technology Master Plan (GTMP) Malaysia 2017–2030 di Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini.

Sesi dialog tersebut diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang manakala moderatornya, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Datuk Dr. Yusserrie Zainuddin dan turut hadir Naib Cancelor UMP, Profesor Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim.

Dalam pada itu, katanya, aplikasi mesra pelanggan itu juga mempunyai integrasi kad kredit yang membolehkan pengguna dapat membuat pembayaran serta-merta.

"Pembayaran kad kredit juga selamat dengan melalui aplikasi sendiri (in-app payment) dan tidak melibatkan sebarang pihak ketiga.

"Fungsi penambahan kad kredit juga boleh dibuat melalui imbasan bagi memastikan ia dilakukan dengan pantas, seperti yang terdapat dalam aplikasi perkhidmatan lain," katanya.

Sementara itu, Dr Zaini berkata, pemasangan meter pintar membabitkan semua kediaman seluruh negara dalam tempoh tiga tahun, sehingga menjelang 2020 dijangka menjadikan penggunaan aplikasi tersebut lebih efisien.

"Sebanyak 1.5 juta meter pintar pemilik akaun TNB akan ditukar sehingga Disember 2020 sekali gus membolehkan penggunaan aplikasi itu menyemak penggunaan elektrik sepanjang masa setiap hari.

"Pengguna boleh pengurus dan mendapat maklum balas berkaitan bil elektrik lebih mudah hanya di hujung jari.

"Dengan itu, tahniah kepada TNB dengan inisiatif yang dilaksanakan dan kerajaan melihat begitu baik dan bermanfaat untuk tempoh jangka panjang," katanya.

Dr Zaini Ujang (kanan) turut hadir merasmikan pelancaran aplikasi myTNB yang baharu sempena sesi Dialog TN50 dan Green Technology Master Plan (GTMP) Malaysia 2017 – 2030.

Penjawat awam, pemimpin masyarakat, jurutera profesional, pelajar institusi pengajian tinggi dan masyarakat awam tidak ketinggalan memuat turun aplikasi myTNB selepas majlis pelancaran.

Lebih selesa bayar bil melalui atas talian

KUANTAN - Aplikasi myTNB yang diwujudkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima maklum balas positif peserta sesi dialog Transformasi Negara (TN50): Sustainability Development Goal (SDG 2030) dan Green Technology Master Plan (GTMP) Malaysia 2017 - 2030 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini.

Mereka yang terdiri daripada siswazah universiti juga digalakkan memuat turun permohonan itu dan cuba memeriksa bil elektrik rumah di telefon pintar masing-masing.

Penuntut Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Muhammad Syafiq Ismail, 22, berkata, permohonan baharu itu merupakan satu cara ke hadapan ke arah transaksi tanpa tunai.

"Konsep baru itu lebih mudah dan orang ramai boleh membayar bil mereka pada bila-bila masa, atau di mana sahaja tanpa tergesa-gesa ke kaunter atau mesin deposit tunai.

"Saya sudah memuat turun aplikasi dan ciri-ciri yang mesra pengguna. Apa yang dilihat penggunaannya mampu menyelesaikan semuanya dengan satu klik pada telefon pintar.

"Walaupun saya mungkin tidak selalu menggunakannya tetapi akan berkongsi dengan ibu bapa dan kawan-kawan supaya orang ramai boleh memuat turun aplikasi dan menggunakannya, bukan hanya tentang membayar bil elektrik tetapi memantau penggunaannya," katanya.

AMRUM

HARIZA

SHAFIQ

Manakala, bagi wakil Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Muhammad Amrun Aniq Mohamed Saidi, 22, aplikasi diperkenalkan TNB adalah sejajar dengan aplikasi perbankan dalam talian yang tidak perlu menunggu di institusi kewangan.

"Tidak lama lagi orang tidak perlu lagi beratur ke pejabat pos atau pejabat TNB untuk membayar bil mereka kerana boleh melengkapkan pembayaran secara atas talian.

"Sekalipun tidak ada perancangan untuk membayar secara online, pengguna dapat menggunakan aplikasi untuk memantau penggunaan elektrik rumah mereka.

"Saya juga difahamkan TNB akan menambah lebih banyak ciri-ciri lain dalam waktu terdekat ini yang akan menjadi antara inisiatif untuk Go Green atau bergerak ke arah masyarakat tanpa kertas pada masa akan datang," katanya.

Bagi siswazah Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Hariza Aina Mohd Harafi, 21, pula berkata, inisiatif TNB itu perlu ada bagi memudah carakan banyak pihak dalam menyelesaikan masalah pembayaran bil elektrik.

"Dengan cara ini membolehkan masalah tunggakan dan pemotongan elektrik juga tidak berlaku kerana banyak kemudahan disediakan dalam aplikasi tersebut.

"Saya sendiri pun dari awal tidak pernah ambil tahu berkaitan pembayaran bil, kini sudah ambil peduli kerana lebih mudah dan mesra pengguna," katanya.